

Analisis Modul *Durus Al-Lughah Al- 'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha* (Pembelajaran Bahasa Arab untuk Bukan Penutur Arab) terhadap tahap Penguasaan Kurikulum Azhari dalam Kalangan Pelajar Sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK)

Analysis of the Durus al-Lughah al- 'Arabiyyah li Ghayri al-Natiqin Biha Module (Arabic Language Learning for Non-Native Speakers) on the Mastery Level of the Azhar Curriculum among Students of Yayasan Islam Kelantan Schools (YIK)

Amalia Hayati Rosaimi & Muhammad Akramin Kamarul zaman*

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding Author: akramin@fsk.upsi.edu.my

Received: 30 Mac 2025; **Accepted:** 24 May 2025; **Published:** 15 June 2025

To cite this article (APA): Rosaimi, A. H., & Kamarul zaman, M. A. (2025). Analisis Modul Durus Al-Lughah Al- 'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha (Pembelajaran bahasa arab untuk bukan penutur arab) terhadap tahap penguasaan kurikulum Azhari dalam kalangan pelajar sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK). *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 97-109. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.8.2025>

Abstrak

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa utama dunia yang memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia terutamanya untuk mendalami pengajian Islam. Pelbagai modul dibangunkan untuk membantu meningkatkan kemahiran Bahasa Arab pelajar terutamanya bagi bukan penutur Bahasa Arab. Penggunaan modul yang tepat dan bersesuaian dapat memberi kesan yang positif terhadap pelajar dalam menguasai empat aspek kemahiran bahasa iaitu menulis, membaca, bertutur dan mendengar. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji salah satu modul pembelajaran Bahasa Arab iaitu Modul *Durus Al-Lughah Al- 'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha* (Pembelajaran Bahasa Arab untuk Bukan Penutur Arab) atau juga dikenali sebagai Modul Bahasa Arab Madinah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan Kurikulum Azhari pelajar Modul Bahasa Arab Madinah, mengenal pasti tahap kemahiran Bahasa Arab pelajar Modul Bahasa Arab Madinah dan menganalisis peranan Modul Bahasa Arab Madinah terhadap penguasaan Kurikulum Azhari pelajar sekolah Yayasan Islam Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29 secara deskriptif. Dapatan kajian analisis deskriptif mendapati bahawa skor min bagi variabel tahap penguasaan Kurikulum Azhari adalah pada tahap sederhana tinggi (3.64), skor min bagi variabel tahap kemahiran Bahasa Arab sederhana tinggi (3.50) dan skor min bagi kaedah pelaksanaan Modul Bahasa Arab Madinah tinggi (4.14). Diharapkan kajian ini dapat memberi maklumat yang bermanfaat kepada pihak berkenaan untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab dan pengajian Islam dalam Bahasa Arab dengan berpandukan pendekatan modul yang dikaji.

Kata kunci: Kurikulum Azhari, kemahiran Bahasa Arab, modul pembelajaran, Bahasa Arab Madinah, sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Abstract

Arabic is one of the major world languages, playing a significant role in human life, especially in the study of Islamic knowledge. Various modules have been developed to enhance students' Arabic language skills, particularly for non-native speakers. The appropriate and effective use of these modules can positively impact students' mastery of the four key language skills: writing, reading, speaking, and listening. Thus, this study aims to examine one of the Arabic language learning modules, *Durus al-Lughah al- 'Arabiyyah li Ghayri al-Natiqin Biha* (Arabic Learning for Non-Native Speakers), also known as the Madinah Arabic Language Module. The objectives of this study are to identify the level of students' mastery of the Azhari Curriculum, assess the Arabic language proficiency of students using the Madinah Arabic Module, and analyze the module's role in enhancing the Azhari Curriculum mastery among students in Yayasan Islam Kelantan schools. This study employs a quantitative method using questionnaires. The collected data was analyzed descriptively using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 29. The descriptive analysis findings revealed that the mean score for the Azhari Curriculum mastery level variable was moderately high (3.64), the mean score for Arabic language proficiency was moderately high (3.50), and the mean score for the implementation method of the Madinah Arabic Module was high (4.14). It is hoped that this study provides useful insights for educators to improve the teaching and learning of Arabic language and Islamic studies in Arabic, guided by the studied module's approach.

Keywords: Azhari Curriculum, Arabic language proficiency, learning modules, Madinah Arabic, Yayasan Islam Kelantan (YIK) schools

Pendahuluan

Kemahiran bahasa kedua seperti Bahasa Arab sangat dititikberatkan di Malaysia pada masa kini. Hal ini demikian kerana masyarakat di Malaysia semakin sedar akan kepentingan kemahiran Bahasa Arab dalam memahami ajaran agama Islam kerana Bahasa Arab merupakan bahasa utama bagi sumber-sumber Islam seperti al-Quran dan as-Sunnah. Imam Syafie telah menjelaskan keperluan mempelajari Bahasa Arab berbeza kepada setiap muslim mengikut keperluannya memahami al-Quran, as-Sunnah dan hukum-hakam yang terkandung di dalamnya (Subhan Ali, 2022). Hal ini membuktikan kepentingan menguasai Bahasa Arab terutamanya bagi individu yang berkecimpung dalam bidang pengajian Islam.

Namun begitu, terdapat beberapa kesulitan yang dihadapi oleh majoriti masyarakat di Malaysia termasuk pelajar sekolah Yayasan Islam Kelantan untuk menguasai kurikulum dalam Bahasa Arab dengan baik. Banyak faktor yang perlu diambil kira bagi bidang linguistik ini antaranya bahan, strategi pengajaran guru dan cara pembelajaran berkesan bagi murid. Justeru itu, perlu difahami bahawa kaedah pengajaran sesuatu bahasa amatlah berbeza di antara penutur dan bukan penutur bahasa tersebut.

Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan kepada pelajar sekolah Yayasan Islam Kelantan yang mempelajari Kurikulum Azhari dan mengikuti pembelajaran Modul Bahasa Arab Madinah. Kurikulum Azhari atau juga dikenali sebagai Kurikulum Bu'uth al-Azhar. Menurut Maimun Aqsha et al. (2014), terdapat dua elemen yang sangat penting dan diberi penekanan dalam Kurikulum Azhari iaitu pendidikan yang bersifat *turathi* (Pengajian Pondok) dan *muasoroh* (Moden). Kedua-dua elemen ini berjalan seiringan bagi memenuhi keperluan individu sesuai dengan

tuntutan semasa dan peredaran zaman. Menurut Ahmad Kilani (2001) diambil dalam Maimun Aqsha et al. (2014), struktur pendidikan Kurikulum Azhari merangkumi dua bahagian mata pelajaran iaitu mata pelajaran agama dan mata pelajaran Bahasa Arab. Pelaksanaan Kurikulum Azhari sejak sekian lama bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar yang ingin mendalami ilmu agama dan mempersiapkan diri mereka untuk peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Pelajar yang lulus STAM berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang agama di peringkat ijazah, baik di dalam mahupun di luar negara.

Modul *Durus Al-Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha* (Pembelajaran Bahasa Arab untuk Bukan Penutur Arab) atau Modul Bahasa Arab Madinah pula merupakan sebuah modul pembelajaran Bahasa Arab bagi bukan penutur Arab yang diperkenalkan oleh salah seorang pesara pensyarah Universiti Islam Madinah, Dr. V Abdul Rahim semasa beliau mengajar di universiti tersebut (Hafizuddin et.al, 2020). Modul ini telah lama tersebar luas dan diajarkan di Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji menfokuskan modul tersebut edisi yang telah dikemaskini oleh Ustaz Taha Bin Abdullah, salah seorang anak murid kepada Dr. V Abdul Rahim. Modul edisi terkini tersebut merangkumi buku teks, latihan pengukuhan (*Al-Wajibat*), latihan bertutur (*Al-As ilah*) dan modul tentang contoh-contoh ayat al-Quran serta hadis yang berkaitan dengan topik pembelajaran (*As-Syawahid*). Terdapat 3 tahap pembelajaran bagi modul ini iaitu peringkat permulaan, pertengahan dan lanjutan. Peringkat pertengahan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu Jilid 1, Jilid 2 dan Jilid 3 manakala peringkat lanjutan dibahagikan kepada dua tahap iaitu Jilid 4 (*Al-Nusus*) dan Jilid 5 (*Al-Mus'if*). Selepas ini, penulis akan menggunakan istilah Modul Bahasa Arab Madinah bagi modul yang dikaji ini.

Permasalahan Kajian

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kurikulum Azhari tidak asing lagi daripada menghadapi beberapa cabaran dan masalah kerana diajarkan kepada pelajar yang bukan penutur Bahasa Arab. Menurut kajian Haron Husaini et al. (2018), sebilangan besar guru tidak memahami sepenuhnya kurikulum yang diajar di mana seramai 55% daripada 40 orang guru Yayasan Islam Kelantan tidak memahami sepenuhnya Kurikulum Azhari yang diajar dan mereka tidak didedahkan dengan sukatan tersebut. Tambahan pula, buku teks yang digunakan menggunakan Bahasa Arab aras tinggi menjadi salah satu cabaran dalam pelaksanaan Kurikulum Azhari (Maimun Aqsha et al., 2014; Mohd Fadzli dan Nik Mohd Rahimi, 2021). Hal ini menyebabkan guru mengalami kesukaran untuk menyampaikan pengajaran dan tidak dapat menyampaikannya dengan berkesan kepada pelajar.

Rentetan daripada masalah tersebut, tahap penguasaan pelajar terhadap Kurikulum Azhari juga akan turut terkesan kerana kebiasaannya pelajar bergantung sepenuhnya kepada guru bagi pembelajaran kurikulum ini. Pelajar yang tidak mempunyai asas pengetahuan Bahasa Arab tidak mampu membaca dan memahami teks Bahasa Arab dengan sendiri tanpa bantuan seorang guru. Ghazali Yusri et al. (2010) menyatakan bahawa guru adalah individu yang sangat berpengaruh dalam menentukan kejayaan mahupun kegagalan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Dapatan-dapatan ini memperlihatkan trend permasalahan yang berterusan terhadap penguasaan Kurikulum Azhari dan kemahiran Bahasa Arab pelajar. Terdapat banyak kajian terkini yang lebih berfokus kepada Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) kerana kurikulum ini baru diperkenalkan. Namun begitu, hakikat yang berlaku dalam pelaksanaan KBD turut terjadi kepada Kurikulum Azhari kerana kedua-duanya menggunakan konsep yang sama iaitu

pembelajaran pengajian Islam dalam Bahasa Arab cuma perbezaannya pada kandungan kurikulum sahaja.

Kajian Kamarulzaman Abdul Ghani et al. (2018) terhadap penguasaan pelajar dalam Kurikulum Berpadu Dini mendapati masih terdapat 30 hingga 40 peratus pelajar yang masih belum dapat menerima sepenuhnya pembelajaran KBD. Terdapat 32.4% pelajar daripada 466 orang responden mengalami masalah dalam pembelajaran KBD dan 31.7% pelajar berasa tertekan apabila belajar mata pelajaran KBD. Hal ini menunjukkan bahawa tidak semua pelajar dapat menerima pembelajaran Pendidikan Islam dalam Bahasa Arab bahkan terdapat segelintir pelajar terasa tertekan. Selain itu, kebanyakan pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) hanya menghafal kandungan pelajaran untuk menghadapi peperiksaan tanpa memahaminya (Nurul Sofea, 2017).

Akhir sekali, antara masalah yang dihadapi juga adalah kurangnya pendedahan tentang teknik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab yang sesuai bagi bukan penutur Arab. Menurut Maimun Aqsha et al. (2014), masalah utama adalah ketiadaan model teknik pengajaran khusus untuk penutur bukan Arab di Malaysia dan kurangnya penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai oleh para guru. Kesannya, kebanyakan pelajar menjadi pasif di dalam kelas dan boleh menyebabkan mereka hilang minat untuk mempelajari subjek di dalam Bahasa Arab akibat daripada kaedah pengajaran yang tidak sesuai oleh guru (Haron Husaini et al., 2018).

Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti tahap penguasaan pelajar Modul Bahasa Arab Madinah terhadap isi pembelajaran Kurikulum Azhari.
2. Menenal pasti tahap kemahiran Bahasa Arab pelajar Modul Bahasa Arab Madinah.
3. Menganalisis peranan Modul Bahasa Arab Madinah terhadap penguasaan pelajar dalam Kurikulum Azhari.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kuantitatif. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik. Instrumen kajian berpandukan kajian lepas yang terdiri daripada empat bahagian iaitu A, B, C dan D. Berikut merupakan struktur soal selidik yang digunakan secara amnya:

1. Bahagian A: Latar belakang responden
2. Bahagian B: Tahap penguasaan Kurikulum Azhari pelajar Modul Bahasa Arab Madinah
3. Bahagian C: Tahap kemahiran Bahasa Arab pelajar Modul Bahasa Arab Madinah
4. Bahagian D: Kaedah pelaksanaan Modul Bahasa Arab Madinah

Populasi responden adalah satu aspek yang penting bagi melengkapkan sesebuah penyelidikan. Manakala sampel kajian pula adalah sebahagian daripada pecahan suatu populasi tersebut. Pengkaji memilih jenis persampelan rawak mudah di mana setiap unit dalam populasi tersebut mendapat kebarangkalian untuk dipilih dengan nilai yang sama. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang mengikuti pembelajaran

di Pusat Tuisyen *The Madinah Arabic Course*, Jalan Tok Kenali, Kubang Kerian, Kelantan. Skop kajian tertumpu kepada Kurikulum Azhari sahaja kerana kebanyakan sekolah Yayasan Islam Kelantan mewajibkan setiap pelajar mengikuti kurikulum tersebut. Namun begitu, pelajar Sekolah Bantuan Agama Kerajaan (SABK) di bawah Yayasan Islam Kelantan tidak terlibat kerana mereka mempelajari Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Merujuk kepada pihak pengurusan Pusat Tuisyen *The Madinah Arabic Course*, terdapat 30 orang pelajar YIK yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu sehingga enam mengikuti pembelajaran Modul Bahasa Arab Madinah. Berdasarkan jumlah populasi tersebut, sampel yang dipilih untuk melibatkan diri adalah seramai 28 orang responden berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie & Morgan (1970).

Dalam pembinaan soal selidik, kesahan menjadi salah satu aspek yang penting dalam sesuatu konstruk bagi mengukur ketepatan ukuran dalam soal selidik yang akan digunakan dalam kajian. Justeru itu, sebelum instrumen diedarkan untuk kajian rintis, instrumen soal selidik tersebut telah melalui proses kesahan kandungan bersama-sama beberapa orang panel pakar yang telah dipilih untuk menyemak dan memberi pandangan serta cadangan terhadap beberapa aspek di dalam soal selidik seperti format, struktur gaya bahasa dan kandungan soal selidik. Kemudian, kajian rintis dijalankan sebelum instrumen kajian diedarkan kepada responden untuk memastikan instrumen kajian yang disediakan sesuai digunakan untuk kajian sebenar. Justeru itu, satu kajian rintis bagi instrumen soal selidik dilakukan ke atas 10 orang responden yang merupakan pelajar Pusat Tuisyen Solihin bagi tujuan pengujian instrumen kajian ini. Pusat Tuisyen Solihin merupakan salah satu pusat tuisyen lain yang mengajar Modul Bahasa Arab Madinah di Kelantan. Pengkaji melaksanakan analisis terhadap data kajian rintis bagi menentukan nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha. Sekiranya nilai *Cronbach Alpha* adalah tinggi sekurang-kurangnya .70, maka pengkaji boleh membuat keputusan untuk mengguna pakai semua item instrumen tanpa pindaan untuk diedarkan kepada responden sebenar. Jadual 1 menunjukkan nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi kajian rintis. Nilai *Cronbach Alpha* bahagian B (.74), bahagian C (.86) dan bahagian D (.74). Jumlah *Cronbach Alpha* keseluruhan instrumen kajian ialah (.91).

Jadual 1: Nilai kebolehpercayaan

Bil	Bahagian	Item	<i>Cronbach's Alpha</i>
1	Bahagian B	20	0.74
2	Bahagian C	15	0.86
3	Bahagian D	15	0.74
	Jumlah	50	0.91

Sebelum mengumpul data, pengkaji meminta persetujuan dari pihak pengurusan untuk menjalankan kajian di Pusat Tuisyen *The Madinah Arabic Course* kemudian mengenal pasti jumlah populasi sebenar serta jumlah sampel kajian. Seterusnya pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada sampel kajian yang telah disasarkan dan mengumpul semula borang tersebut selepas tempoh seminggu.

Proses menganalisis data memerlukan fokus dan kepekaan yang mendalam bagi memastikan maklumat yang dianalisis adalah benar dan tepat berdasarkan skala Likert yang telah diisi oleh responden. Justeru itu, pengkaji akan menggunakan perisian SPSS iaitu *Statistical Package for the Social Sciences* versi 29 untuk menganalisis data. Pengkaji menggunakan pengujian statistik jenis statistik deskriptif berdasarkan objektif yang telah

dibina pada awal kajian. Kajian deskriptif bertujuan untuk melihat perkaitan atau penjelasan serta memberi gambaran tentang ciri-ciri yang terdapat dalam suatu populasi dengan lebih tepat (Marican, 2006). Statistik deskriptif kekerapan dan peratusan digunakan untuk menerangkan latar belakang responden. Manakala statistik deskriptif min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap seperti tahap penguasaan pelajar terhadap kandungan Kurikulum Azhari, tahap kemahiran pelajar terhadap Bahasa Arab dan kaedah pelaksanaan Modul Bahasa Arab Madinah. Bagi menganalisis pengukuran tersebut, tahap interpretasi skor min diukur berdasarkan tiga peringkat iaitu rendah (1.00-2.33), sederhana (2.34-3.66) dan tinggi (3.67-5.00).

Dapatan Kajian

(a) Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan kekerapan dan peratusan maklumat demografi responden yang terdiri daripada 30 orang pelajar Pusat Tuisyen *The Madinah Arabic Course* yang mempelajari Modul Bahasa Arab Madinah. 14 orang daripada mereka adalah lelaki (46.7%) dan 16 orang pelajar adalah perempuan (53.3%). Seramai 5 orang responden merupakan pelajar tingkatan satu (16.7%), 10 orang tingkatan dua (33.3%), 5 orang tingkatan tiga (16.7%), 6 orang tingkatan empat (20%), 2 orang tingkatan lima (6.7%) dan 2 orang tingkatan enam (6.7%). Majoriti responden bersekolah di sekolah kategori Maahad Kawalan iaitu seramai 18 orang (60%). Seterunya, 9 orang (30%) dari Maahad Pilihan, 2 orang (6.7%) dari Maahad Kerajaan dan 1 orang (3.3%) dari Sekolah Menengah Ugama Arab (SMUA). Bagi tahap pembelajaran Modul Bahasa Arab Madinah, seramai 5 orang pelajar (16.7%) sedang mempelajari Jilid Permulaan, 1 orang pelajar (3.3%) sedang mempelajari Jilid 1, 16 orang pelajar (53.3%) sedang mempelajari Jilid 2, 7 orang pelajar (23.3%) sedang mempelajari Jilid 3, 1 orang pelajar (3.3%) sedang mempelajari Jilid 4 (Al-Nusus), dan tiada pelajar yang berada di Jilid 5 (Al-Mus'if). Jumlah pelajar yang sedang mempelajari Jilid 2 adalah paling tinggi.

Jadual 2: Demografi Responden Kajian

	Perincian Item	Kekerapan (F)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	14	46.7
	Perempuan	16	53.3
Tingkatan	Satu	5	16.7
	Dua	10	33.3
	Tiga	5	16.7
	Empat	6	20
	Lima	2	6.7
	Enam	2	6.7
	Maahad Kawalan	18	60
	Maahad Pilihan	9	30

bersambung

Sekolah	Maahad Kerajaan	2	6.7
	SMU(A)	1	3.3
Tahap Pembelajaran Modul	Jilid Permulaan	5	16.7
	Jilid 1	1	3.3
	Jilid 2	16	53.3
	Jilid 3	7	23.3
	Jilid 4 (<i>Al-Nusus</i>)	1	3.3
	Jilid 5 (<i>Al-Mus'if</i>)	0	0

(b) Tahap Penguasaan Kurikulum Azhari Pelajar

Jadual 3 menunjukkan skor min dan interpretasi bagi tahap penguasaan Kurikulum Azhari pelajar Modul Bahasa Arab Madinah. Min keseluruhan adalah pada tahap sederhana dengan catatan skor sebanyak 3.64. Item yang mencatatkan skor min paling tinggi pada bahagian ini ialah pada mata pelajaran akhlak iaitu item 19 '*saya boleh mengaitkan pelajaran akhlak dalam amalan kehidupan seharian*' dengan min 4.43. Seterusnya, bagi mata pelajaran Bahasa Arab, item yang mencatatkan bacaan skor min tertinggi ialah item 1 '*saya memahami kaedah tatabahasa (nahu) Bahasa Arab dengan baik*' iaitu 4.10 manakala bagi mata pelajaran sirah pula pada item 6 '*saya mengetahui cara hidup dan peradaban masyarakat Arab Jahiliah*' iaitu 3.80.

Saterusnya, bagi mata pelajaran tajwid, item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah item 12 '*saya menguasai teori hukum tajwid yang dipelajari*' dengan min 3.77. Selanjutnya, skor min tertinggi bagi mata pelajaran hadis ialah 4.27 iaitu pada item 14 '*saya boleh membaca hadis dalam Bahasa Arab dengan baik*'. Skor min tertinggi bagi mata pelajaran tafsir pula ialah 3.87 iaitu pada item 17 '*saya mampu mengingati makna mufradat bagi tafsir yang dipelajari*'. Semua item yang telah disebut berada pada tahap interpretasi tinggi manakala bagi mata pelajaran tauhid dan fekah, item tertinggi pada bahagian ini berada pada tahap sederhana. Bagi mata pelajaran tauhid, item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah item 8 '*saya boleh menyebut sifat-sifat Allah berserta makna*' dengan min 3.57 dan bagi mata pelajaran fekah pula pada item 10 '*saya boleh mengingati takrif bagi hukum fekah*' dengan min 3.40. Item yang mencatatkan skor min terendah bagi bahagian ini pula ialah item 3 '*saya memahami maksud syair dalam Bahasa Arab*' iaitu 2.90.

Secara keseluruhan, dapat difahami bahawa kemampuan pelajar untuk menghafal kandungan mata pelajaran adalah lebih tinggi berbanding menghuraikan kembali apa yang mereka telah pelajari. Seterusnya, dapatan kajian mendapati penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab, akhlak, tajwid dan sirah adalah lebih baik berbanding tafsir, hadis, tauhid dan fekah. Penguasaan tatabahasa Arab pelajar juga berada pada tahap yang baik menyebabkan mereka mudah untuk menulis karangan, membaca teks Arab dan mentasrif kata kerja. Namun penguasaan kosa kata pelajar masih di tahap kurang memuaskan berdasarkan dapatan kebanyakan pelajar tidak dapat memahami maksud syair dalam Bahasa Arab. Dapatan kajian ini secara tidak langsung telah menjawab kepada objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar Modul Bahasa Arab Madinah terhadap isi pembelajaran Kurikulum Azhari.

Analisis Modul Durus Al-Lughah Al- 'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha (Pembelajaran Bahasa Arab untuk Bukan Penutur Arab) terhadap tahap Penguasaan Kurikulum Azhari dalam Kalangan Pelajar Sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK)

Jadual 3: Tahap penguasaan Kurikulum Azhari pelajar

	Item	Min	Interpretasi
1	Saya memahami kaedah tatabahasa (<i>nahu</i>) Bahasa Arab dengan baik	4.10	Tinggi
2	Saya boleh mentasrif kata kerja kepada <i>masdar</i> , <i>ismul makan</i> , <i>ismul zaman</i> dan <i>ismul alat</i>	3.50	Sederhana
3	Saya memahami maksud syair dalam Bahasa Arab	2.90	Sederhana
4	Saya boleh menulis karangan dalam Bahasa Arab dengan uslub yang betul	3.90	Tinggi
5	Saya mahir membaca teks Bahasa Arab tanpa baris	3.63	Sederhana
6	Saya mengetahui cara hidup dan peradaban masyarakat Arab Jahiliah	3.80	Tinggi
7	Saya boleh menyatakan ringkasan tentang dakwah Nabi Muhammad s.a.w di Mekah	3.67	Tinggi
8	Saya boleh menyebut sifat-sifat Allah berserta makna	3.57	Sederhana
9	Saya mampu menghuraikan sifat-sifat Allah dengan terperinci	3.00	Sederhana
10	Saya boleh mengingati takrif bagi hukum fekah	3.40	Sederhana
11	Saya mampu menentukan hukum fekah bagi situasi yang diberikan	3.23	Sederhana
12	Saya menguasai teori hukum tajwid yang dipelajari	3.77	Tinggi
13	Saya mahir mempraktikkan hukum tajwid yang dipelajari	3.80	Tinggi
14	Saya boleh membaca hadis dalam Bahasa Arab dengan baik	4.27	Tinggi
15	Saya mampu menghuraikan maksud hadis	3.43	Sederhana
16	Saya boleh menyatakan pengajaran ayat tafsir yang dipelajari	3.47	Sederhana
17	Saya mampu mengingati makna mufradat bagi tafsir yang dipelajari	3.87	Tinggi
18	Saya boleh menyenaraikan adab dalam topik akhlak yang telah dipelajari	4.00	Tinggi
19	Saya boleh mengaitkan pelajaran akhlak dalam amalan kehidupan seharian	4.43	Tinggi
20	Saya bergantung sepenuhnya kepada terjemahan guru untuk memahami subjek pembelajaran Kurikulum Azhari	2.97	Sederhana
Keseluruhan Purata Min		3.64	Sederhana

(c) Tahap Kemahiran Bahasa Arab Pelajar

Jadual 4 menunjukkan skor min dan interpretasi bagi tahap kemahiran Bahasa Arab pelajar Modul Bahasa Arab Madinah. Min keseluruhan adalah pada tahap sederhana dengan catatan skor sebanyak 3.50. Item yang mencatatkan skor min paling tinggi secara keseluruhan adalah pada elemen kemahiran menulis iaitu item 13 '*saya mampu membina ayat lengkap dalam Bahasa Arab*' dengan min 4.43. Seterusnya, bagi elemen kemahiran mendengar, item 1 '*saya memahami penerangan yang disampaikan oleh guru dalam Bahasa Arab dengan baik*' mencatatkan bacaan skor min tertinggi iaitu 4.23 manakala item 4 '*saya memahami beberapa*

perkataan Bahasa Arab yang jarang didengari’ mencatatkan min paling rendah bagi elemen ini iaitu 1.93. Saterusnya, bagi elemen kemahiran bertutur, item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah item 5 ‘*saya mampu memberi respon sekiranya guru bertutur dalam Bahasa Arab*’ dengan min 4.07 manakala item 7 ‘*saya berkomunikasi dalam Bahasa Arab di luar bilik darjah*’ mencatatkan min paling rendah bagi elemen ini iaitu 2.80. Selanjutnya, skor min tertinggi bagi elemen kemahiran membaca ialah 4.20 iaitu pada item 8 ‘*saya mampu membaca teks Bahasa Arab dengan sebutan makhraj huruf yang betul*’ manakala item 11 ‘*saya memahami perkataan Bahasa Arab yang jarang dijumpai dalam pembacaan*’ mencatatkan min paling rendah bagi elemen ini iaitu 2.37. Akhir sekali, skor min tertinggi bagi penguasaan kosa kata ialah 3.80 pada item 15 ‘*saya mampu menghafal kosa kata Bahasa Arab yang baru dijumpai*’.

Secara keseluruhan, data ini menunjukkan kemahiran bahasa Arab pelajar berada pada tahap yang baik dari aspek kemahiran menulis, mendengar, bertutur dan membaca. Namun begitu, item yang menguji kefahaman pelajar terhadap perkataan yang jarang didengari atau dijumpai menunjukkan skor min yang rendah. Hal ini menunjukkan penguasaan kosa kata pelajar berada pada tahap yang rendah. Dapatan kajian ini secara tidak langsung telah menjawab kepada objektif kajian kedua iaitu untuk mengenal pasti tahap kemahiran Bahasa Arab pelajar Modul Bahasa Arab Madinah.

Jadual 4: Tahap Kemahiran Bahasa Arab Responden

	Item	Min	Interpretasi
1	Saya memahami penerangan yang disampaikan oleh guru dalam Bahasa Arab dengan baik	4.23	Tinggi
2	Saya memahami bahan-bahan audio dalam Bahasa Arab	3.13	Sederhana
3	Saya memahami video-video dalam Bahasa Arab	3.03	Sederhana
4	Saya memahami beberapa perkataan Bahasa Arab yang jarang didengari	1.93	Rendah
5	Saya mampu memberi respon sekiranya guru bertutur dalam Bahasa Arab	4.07	Tinggi
6	Saya dapat bertutur dalam Bahasa Arab dengan baik	3.60	Sederhana
7	Saya berkomunikasi dalam Bahasa Arab di luar bilik darjah	2.80	Sederhana
8	Saya mampu membaca teks Bahasa Arab dengan sebutan makhraj huruf yang betul	4.20	Tinggi
9	Saya mampu membaca bahan rujukan dalam Bahasa Arab	3.63	Sederhana
10	Saya boleh membaca teks dalam Bahasa Arab tanpa baris	3.73	Tinggi
11	Saya memahami perkataan Bahasa Arab yang jarang dijumpai dalam pembacaan	2.37	Sederhana
12	Saya mampu menulis perkataan dalam Bahasa Arab dengan menggunakan ejaan yang tepat	3.90	Tinggi
13	Saya mampu membina ayat lengkap dalam Bahasa Arab	4.43	Tinggi
14	Saya mencari maksud perkataan Bahasa Arab yang tidak difahami di dalam kamus	3.63	Sederhana
15	Saya mampu menghafal kosa kata Bahasa Arab yang baru dijumpai	3.80	Tinggi

bersambung

Keseluruhan Purata Min

3.50

Sederhana

(d) Kaedah pelaksanaan Modul Bahasa Arab Madinah

Jadual 5 menunjukkan skor min dan interpretasi bagi kaedah pelaksanaan Modul Bahasa Arab Madinah. Min keseluruhan adalah pada tahap tinggi dengan catatan skor sebanyak 4.14. Item yang mencatatkan skor min paling tinggi pada bahagian ini ialah pada aktiviti pengukuhan kemahiran membaca iaitu item 3 '*guru membimbing saya untuk membaca teks Bahasa Arab dengan baris akhir yang betul*' dengan min 4.63. Bagi aktiviti pengukuhan kemahiran mendengar, item 1 '*guru membimbing saya untuk mendengar dan memberi respon kepada arahannya dalam Bahasa Arab*' mencatatkan bacaan skor min tertinggi iaitu 4.37. Seterusnya, bagi aktiviti pengukuhan kemahiran bertutur, item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah item 9 '*guru membimbing saya bertanya soalan menggunakan Bahasa Arab*' dengan min 4.20. Selanjutnya, skor min tertinggi bagi aktiviti pengukuhan kemahiran menulis ialah 4.60 iaitu pada dua item, item 6 '*guru membimbing saya untuk membina ayat Bahasa Arab dengan lengkap*' dan item 7 '*guru membimbing saya untuk membina ayat Bahasa Arab dengan tatabahasa yang betul*'. Akhir sekali, skor min tertinggi bagi aktiviti penguasaan kosa kata ialah 4.20 pada item 11 '*guru membimbing saya memahami maksud kosa kata Bahasa Arab yang baharu*'.

Secara keseluruhan, dapatan data menunjukkan kaedah pelaksanaan Modul Bahasa Arab Madinah seimbang dari segi aktiviti pengukuhan kemahiran menulis, mendengar, bertutur dan membaca. Namun begitu, terdapat satu item berada tahap sederhana iaitu item 10 '*guru membimbing saya untuk menghafal kosa kata yang baru dijumpai*'. Hal ini bermaksud melalui pembelajaran modul ini, pelajar tidak diberi penekanan untuk menghafal perkataan yang baru dijumpai.

Jadual 5: Kaedah pelaksanaan Modul Bahasa Arab Madinah

	Item	Min	Interpretasi
1	Guru membimbing saya untuk mendengar dan memberi respon kepada arahannya dalam Bahasa Arab	4.37	Tinggi
2	Guru membimbing saya untuk membaca teks Bahasa Arab dengan sebutan makhraj huruf hijaiyyah yang betul	4.57	Tinggi
3	Guru membimbing saya untuk membaca teks Bahasa Arab dengan baris akhir yang betul	4.63	Tinggi
4	Guru membimbing saya untuk membaca dengan asas bacaan yang betul seperti mad, alif lam qamariyyah, alif lam syamsiyyah dan as-syaddah	4.40	Tinggi
5	Guru membimbing saya untuk bertutur Bahasa Arab dalam komunikasi harian	3.97	Tinggi
6	Guru membimbing saya untuk membina ayat Bahasa Arab dengan lengkap	4.60	Tinggi
7	Guru membimbing saya untuk membina ayat Bahasa Arab dengan tatabahasa yang betul	4.60	Tinggi
8	Guru sentiasa mengulang kosa kata baharu sehingga saya mengingatnya	4.10	Tinggi
9	Guru membimbing saya bertanya soalan menggunakan Bahasa Arab	4.20	Tinggi

bersambung

10	Guru membimbing saya untuk menghafal kosa kata yang baru dijumpai	3.50	Sederhana
11	Guru membimbing saya memahami maksud kosa kata Bahasa Arab yang baharu	4.20	Tinggi
12	Guru membimbing saya kemahiran menulis tanpa merujuk teks	3.70	Tinggi
13	Guru membimbing saya untuk membaca teks Bahasa Arab tanpa baris	3.90	Tinggi
14	Guru membimbing saya bertanya soalan kepada rakan sekelas menggunakan Bahasa Arab	3.73	Tinggi
15	Guru membimbing saya mencari makna perkataan Bahasa Arab dalam kamus	3.67	Tinggi
Keseluruhan Purata Min		4.24	Tinggi

Perbincangan

Hasil dapatan kajian ini menggambarkan perkaitan dan peranan *Modul Bahasa Arab Madinah* dalam membantu meningkatkan kemahiran Bahasa Arab dan penguasaan Kurikulum Azhari. Skor min dapatan kajian menunjukkan item kemahiran membaca dan menulis pelajar berada pada tahap tinggi dan memuaskan. Menurut dapatan kajian, guru melakukan pelbagai aktiviti pengukuhan bagi kemahiran membaca seperti membimbing pelajar membaca dengan sebutan *huruf hijaiyyah*, baris akhir dan asas bacaan seperti *mad*, *alif lam al-qamariyyah*, *alif lam as-syamsiyyah* dan *as-syaddah* dengan betul. Bagi kemahiran menulis pula, guru membimbing pelajar menulis ayat lengkap dengan tatabahasa yang betul dan menulis tanpa melihat teks. Dapatan kajian Hafizuddin et.al (2020) juga mendapati bahawa Modul Bahasa Arab Madinah menggunakan kaedah pengulangan (*tikrar*) dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Modul ini menggunakan pendekatan pengukuhan kaedah asas bagi kemahiran membaca dan menulis berbeza dengan kajian Hairun Najuwah et al.(2018) yang bertajuk '*Pemantapan Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab Melalui Kajian Tindakan*' yang menggunakan teknik SQ3R (*S-survey, Q-question, R-read, R-recite dan R-review*) dan KWLH (*K-know, W-want, L-learn dan H-how*) untuk kemahiran membaca manakala teknik menyusun perkataan dan teknik gambar untuk kemahiran menulis.

Seterusnya, kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa Arab juga dapat membantu pelajar menguasai kandungan Kurikulum Azhari dengan baik. Hal ini demikian kerana pelajar dapat memahami penjelasan guru dalam Bahasa Arab dan memberi respon kepada guru. Menurut Aini Ariffin dan Mashitah Nordin (2022), kesukaran menterjemah dan mencari perkataan yang sepadan dalam Bahasa Melayu menjadikan pembelajaran berkaitan agama lebih sesuai jika menggunakan Bahasa Arab. Menurut Hafizuddin et.al (2020), pendekatan komunikatif merupakan salah satu cara yang sangat perlu ditekankan dalam pembelajaran bahasa terutamanya Bahasa Arab. Pendekatan komunikatif juga dapat menjadikan pelajar lebih aktif dalam sesi PdP seterusnya dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur pelajar.

Aspek penguasaan kosa kata pelajar dilihat masih berada pada tahap kurang memuaskan di mana kebanyakan pelajar tidak dapat memahami perkataan yang jarang dijumpai atau didengari seperti dalam syair, bahan audio dan bahan pembacaan dalam Bahasa Arab. Penguasaan kosa kata harus dititikberatkan kerana ia merupakan elemen penting penguasaan suatu bahasa (Khatijah dan Hakim Zainal, 2018). Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Khatijah dan Hakim Zainal (2018) yang bertajuk '*Penguasaan Kata Nama dan Kata Kerja*

Arab dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini'. Kajian tersebut juga mendapati tahap penguasaan pelajar terhadap makna perkataan berada pada tahap sederhana. Meskipun begitu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Modul Bahasa Arab Madinah lebih banyak mencari makna perkataan yang tidak difahami di dalam kamus berbanding bergantung sepenuhnya kepada terjemahan guru.

Selanjutnya, meskipun kemahiran mendengar dan bertutur pelajar pada tahap sangat baik, namun amalan komunikasi dalam Bahasa Arab di luar bilik darjah berada pada tahap kurang memuaskan. Perkara ini perlu dititikberatkan kerana persekitaran juga menjadi salah satu faktor yang dapat mempengaruhi minat dan tingkah laku pelajar seterusnya menyumbang kepada pencapaian pelajar dalam penguasaan bahasa (Kamarulzaman et al., 2018). Oleh itu, kerjasama dari pihak sekolah dan ibu bapa amat penting bagi mewujudkan persekitaran Bahasa Arab kepada pelajar di luar bilik darjah.

Akhir sekali, kajian ini mendapati Modul Bahasa Arab Madinah mementingkan penguasaan asas Bahasa Arab yang mudah sebelum mempelajari kaedah yang lebih sukar. Hal ini dapat dilihat dengan penyusunan jilid bagi modul ini. Kajian Hafizuddin et.al (2020) yang bertajuk '*Keberkesanan Modul Pengajaran Durus Al-Lughah Al- 'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha (Pelajaran-Pelajaran Bahasa Arab untuk Bukan Penutur Arab) Terhadap Pelajar Pemula Bahasa Arab Kolej UNITI Kota Bharu*' mendapati 96.7% pelajar bersetuju dapat menguasai Bahasa Arab dengan baik melalui pembelajaran modul tersebut dan 90% pelajar dapat memahami tajuk-tajuk yang diajar dalam Bahasa Arab dengan mudah. Teknik pengajaran ini dilihat sesuai untuk pelajar bukan penutur Bahasa Arab kerana mereka dapat menguasai satu per satu topik pembelajaran yang dipelajari sebelum berpindah kepada topik baharu.

Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat kaedah pendekatan tertentu yang digunakan dalam Modul Bahasa Arab Madinah yang dapat membimbing pelajar menguasai Bahasa Arab dengan baik seterusnya dapat membantu mereka dalam pembelajaran Kurikulum Azhari di sekolah. Kajian seperti ini perlu diteliti dan diperluas untuk meninjau sejauh mana keberkesanan dan kesesuaian suatu modul terhadap pelajar. Hal ini demikian kerana, terdapat banyak modul yang dibangunkan tetapi tidak sesuai dengan tahap penguasaan pelajar. Pihak berkenaan haruslah memilih modul yang bersesuaian agar kualiti pendidikan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pihak berkenaan agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil bagi memastikan kecemerlangan pendidikan Bahasa Arab dan pengajian Islam dalam bahasa kedua ini di Malaysia setanding dengan negara-negara Timur Tengah.

Rujukan

- Aini Ariffin & Mashitah Nordin. (2022). *Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)*. Buletin APB Edisi 9. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/71733/>
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Parilah M. Shah. (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). GEMA: Online Journal of Language Studies, 10(2), 5-33.

- Hafizuddin Hussin, Mohammad Amnan Bin Awang Ali dan Abdul Hadi Bin Abdul Rahim. (2020). Keberkesanan Modul Pengajaran Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha (Pelajaran-Pelajaran Bahasa Arab Untuk Bukan Penutur Arab) Terhadap Pelajar Pemula Bahasa Arab Kolej UNITI Kota Bharu. *e-Jurnal Bahasa Dan Linguistik*, 2(2), 2682-8987.
- Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abdul Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Siti Nurhajariah Md Isa. (2018). Pemantapan Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab Melalui Kajian Tindakan [Isu Khas]. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4/Special Issue, 29-43.
- Haron Husaini, Abdul Manan Yusoh, Adnan Mat Ali, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Ahmad Shafiq Mat Razali, Diyak Urahman Mat Saad, Mohd Bakri Aziz dan Jamaliah Rani. (2018). *Kurikulum Bersepadu Dini: Pelaksanaan Dan Cabaran*. In Studies 2018 Organized by Faculty of Islamic Civilisation Studies. International Islamic University College Selangor. <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/eproceeding/2018/1035-irsyad-2018.pdf>
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmed Thalal Hj Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Mohd Aderi Che Noh, Muhd Zahiri Awang Mat, Zawawi Ismail, Azmil Hashim, Saifuddin Hussin⁸, Rohaidi Habil dan Siti Apipah Munirah Salleh. (2018). *Pembelajaran Kurikulum Bersepadu Dini Dalam Kalangan Pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan*. The 5th International Conference On Research in Islamic Education & Arabic Language 2018.
- Khatijah dan Hakim Zainal. (2018). Penguasaan Kata Nama dan Kata Kerja Arab dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(1), 69-78.
- Maimun Aqsha, Zaffi Alias dan Hanis Najwa Shahrudin. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 51-61.
- Marican, S. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial*. Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd.
- Mohd Fadzli Ismail dan Nik Mohd Rahimi. (2021). The Relationship between Linguistic Features and Readability of Dini Integrated Curriculum Arabic Textbook in Government-Aided Religious School. *Journal Islamiyyat*, 43(2), 117-129.
- Nurul Sofea Binti Kamarudin. (2017). *Pelaksanaan Model CLIL dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Al-Azhari: Kajian di Daerah Pekan dan Rompin*. [Tesis tidak diterbitkan] Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Subhan Ali Dodego. (2022). Pentingnya Penguasaan Bahasa Arab Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *PESHUM Jurnal Pendidikan, Sosial Dan Humaniora*, 1(2), 55–70.